



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
ANGGARAN KELUARAN DALAM NEGERI KASAR AWALAN
SUKU TAHUN KEEMPAT 2023

**KDNK Malaysia dianggarkan 3.4 peratus pada suku tahun keempat 2023
dan mencatatkan pertumbuhan 3.8 peratus pada 2023**

PUTRAJAYA, 19 Januari 2024 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan anggaran Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) awalan¹ bagi suku tahun keempat 2023. Berdasarkan anggaran awalan, ekonomi Malaysia bertumbuh 3.4 peratus pada suku tahun keempat 2023, berbanding 3.3 peratus pada suku tahun sebelumnya. Secara keseluruhan, ekonomi Malaysia berkembang sederhana 3.8 peratus pada tahun 2023 selepas mencatatkan pertumbuhan 8.7 peratus pada tahun 2022.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Sektor Perkhidmatan menjadi peneraju prestasi ekonomi pada suku tahun ini dengan semua sektor lain mencatat pertumbuhan positif. Sektor **Perkhidmatan** meningkat sebanyak 4.7 peratus (ST3 2023: 5.0%) pada suku tahun keempat 2023 disokong oleh subsektor Perdagangan borong & runcit, Pengangkutan & penyimpanan dan Perkhidmatan perniagaan. Sektor **Perlombongan & pengkuarian** berkembang 3.7 peratus (ST3 2023: -0.1%) pada suku tahun keempat 2023 dan pertumbuhan ini didorong oleh peningkatan dalam semua aktiviti terutamanya Gas asli dan Minyak mentah & kondensat."

Beliau turut menambah, "Sektor **Pembinaan** menyederhana kepada 2.5 peratus (ST3 2023: 7.2%) pada suku tahun ini dipengaruhi oleh subsektor Kejuruteraan awam dan Bangunan kediaman. Sektor **Pertanian** meningkat kepada 1.2 peratus (ST3 2023: 0.8%) pada suku tahun keempat 2023, hasil daripada peningkatan dalam pengeluaran Kelapa sawit."

Sementara itu, sektor **Pembuatan** mencatatkan pertumbuhan marginal 0.1 peratus (ST3 2023: -0.1%) pada suku tahun ini. Pertumbuhan sektor ini disokong oleh pembuatan berasaskan Produk Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan

¹ Pengiraan anggaran KDNK awalan suku tahun keempat 2023 adalah berdasarkan kepada gabungan sumber data yang tersedia. Secara umumnya, terdapat perbezaan antara anggaran KDNK awalan dan KDNK sebenar disebabkan oleh ketersediaan data dari pelbagai sumber semasa tempoh penyusunan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk FAQ berkaitan anggaran KDNK awalan di portal DOSM.

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 19 Januari 2024

prosesan makanan dan Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka. Walau bagaimanapun, Produk elektrik, elektronik & optikal serta Produk petroleum, kimia, getah & plastik merosot pada suku tahun ini.

Jadual 1: KDNK mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga Malar ST1 2022 – ST4 2023*

Jenis aktiviti ekonomi	Peratus sumbangan kepada KDNK tahun 2023* (%)	Perubahan peratusan dari suku tahun yang sama tahun sebelumnya YOY (%)											
		2021			2022			2023			2022		
		ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4**	ST1	ST2	ST3	ST4**
KDNK	100.0	3.3	8.7	3.8	4.8	8.8	14.1	7.1	5.6	2.9	3.3	3.4	
Pertanian	6.4	-0.1	0.1	0.5	0.1	-2.3	1.2	1.1	1.0	-1.0	0.8	1.2	
Perlombongan & pengkuarian	6.3	0.9	2.6	1.0	-2.2	-1.7	9.1	6.3	2.4	-2.3	-0.1	3.7	
Pembuatan	23.7	9.5	8.1	0.8	6.7	9.2	13.1	3.9	3.2	0.1	-0.1	0.1	
Pembinaan	3.6	-5.1	5.0	5.8	-6.1	2.5	15.3	10.1	7.4	6.2	7.2	2.5	
Perkhidmatan	60.0	2.2	10.9	5.4	6.4	11.9	16.7	9.1	7.3	4.7	5.0	4.7	

Nota: *Tidak termasuk Duti import

**Anggaran awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 2: Perbandingan Anggaran KDNK Awalan dan KDNK Sebenar pada Harga Malar, ST1 2022 – ST4 2023

Aktiviti Ekonomi (YoY%)	2022								2023						
	ST1		ST2		ST3		ST4		ST1		ST2		ST3		ST4
	AE	Preliminari	AE												
KDNK	4.9	4.8	9.1	8.8	13.8	14.1	6.5	7.1	5.4	5.6	3.1	2.9	3.3	3.3	3.4
Pertanian	-0.4	0.1	-2.0	-2.3	0.9	1.2	0.6	1.1	1.1	1.0	-2.2	-1.0	0.8	0.8	1.2
Perlombongan & pengkuarian	-1.8	-2.2	-2.4	-1.7	7.1	9.1	5.9	6.3	2.2	2.4	-0.4	-2.3	-0.1	-0.1	3.7
Pembuatan	6.4	6.7	9.1	9.2	13.6	13.1	3.9	3.9	3.2	3.2	0.1	0.1	-0.1	-0.1	0.1
Pembinaan	-5.6	-6.1	3.0	2.5	15.4	15.3	10.4	10.1	7.3	7.4	6.3	6.2	5.8	7.2	2.5
Perkhidmatan	6.5	6.4	12.6	11.9	16.1	16.7	8.3	9.1	7.1	7.3	5.0	4.7	5.1	5.0	4.7

Nota: AE = Anggaran awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi KDNK Tahunan 2023

Ekonomi Malaysia bertumbuh sebanyak 3.8 peratus pada tahun 2023, berbanding 8.7 peratus pada tahun sebelumnya. Semua sektor menunjukkan pertumbuhan positif yang menyumbang kepada prestasi yang lebih baik ini. Sektor Perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan 5.4 peratus pada tahun 2023 berikutan pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 10.9 peratus pada tahun 2022. Selain itu, aktiviti ekonomi Malaysia sedang mengalami fasa pemulihran pada tahun 2023.

Sektor Pembuatan merekodkan pertumbuhan marginal 0.8 peratus (2022: 8.1%) pada tahun 2023. Prestasi sektor ini yang kurang memberangsangkan disebabkan oleh permintaan luar yang lebih lemah di pelbagai negara. Sehubungan itu, prestasi perdagangan Malaysia juga menunjukkan aliran menurun pada tahun 2023, seiring dengan penyusutan eksport 8.0 peratus (2022: 24.9%) dan penurunan sebanyak 6.4 peratus (2022: 31.0%) dalam aktiviti import. Oleh itu, Eksport bersih mengalami penurunan 16.4 peratus (2022: 1.0%) dengan nilai keseluruhan RM214.1 bilion.

Selain itu, sektor Pembinaan meningkat daripada 5.0 peratus pada tahun 2022 kepada 5.8 peratus pada tahun 2023. Sektor Perlombongan & pengkuarian juga meningkat sebanyak 1.0 peratus (2022: 2.6%) dan sektor Pertanian merekodkan pertumbuhan marginal 0.5 peratus (2022: 0.1%).

DOSM komited untuk menyusun dan menyebarkan statistik yang memenuhi keperluan pengguna statistik. Anggaran KDNK preliminari dengan set data analisis yang terperinci dan komprehensif bagi suku tahun keempat 2023 dan prestasi keseluruhan ekonomi 2023 bagi Malaysia akan dikeluarkan pada 16 Februari 2024.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Pangkalan Data Utama (PADU) telah diluncurkan pada 2 Januari 2024. PADU mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia. Matlamat utama PADU untuk memastikan rakyat Malaysia tidak tercincir daripada setiap inisiatif berpaksikan rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Dimohon kerjasama untuk mendaftar dan mengemaskini PADU sebelum atau pada 31 Mac 2024. Untuk maklumat lanjut, boleh layari www.padu.gov.my. Sebarang pertanyaan sila hubungi talian hotline 1-800-88-7721 atau log masuk secara online melalui SISPAA: <https://padu.spab.gov.my>.

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 19 Januari 2024


Carta 1: Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), ST1 2022 – ST4 2023*



Nota: *Anggaran awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 2: Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), 2019 – 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
19 JANUARI 2024**



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT
ADVANCE GROSS DOMESTIC PRODUCT ESTIMATES
FOURTH QUARTER OF 2023**

Malaysia's GDP is estimated to be 3.4 per cent in the fourth quarter of 2023 and recorded a growth of 3.8 per cent in 2023

PUTRAJAYA, 19 January 2024 – Today, the Department of Statistics Malaysia (DOSM), released advance Gross Domestic Product (GDP) estimates¹ for the fourth quarter of 2023. Based on advance estimates, Malaysia's economy grew by 3.4 per cent in the fourth quarter of 2023, as compared to 3.3 per cent in the previous quarter. Overall, Malaysia's economy grew moderately at 3.8 per cent in 2023 after posting a growth of 8.7 per cent in 2022.

According to the Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, “The Services sector spearheaded the economic performance in this quarter, with all other sectors experiencing positive growth. The **Services** sector increased by 4.7 per cent (Q3 2023: 5.0%) in the fourth quarter of 2023 backed by Wholesale & retail trade, Transport & storage and Business services sub-sectors. The **Mining & quarrying** sector expanded by 3.7 per cent (Q3 2023: -0.1%) in the fourth quarter of 2023 and the expansion of this sector was driven across all activities especially Natural gas and Crude oil & condensate.”

He also added, "The **Construction** sector moderated to 2.5 per cent (Q3 2023: 7.2%) in this quarter influenced by the Civil engineering and Residential building sub-sectors. The **Agriculture** sector rose to 1.2 per cent (Q3 2023: 0.8%) in the fourth quarter of 2023 resulting from improved production in the Oil palm".

Meanwhile, the **Manufacturing** sector registered a marginal growth of 0.1 per cent (Q3 2023: -0.1%) in this quarter. The growth in this sector was supported by the manufacturing of Vegetable and animal oils & fats and food processing and Non-metallic mineral products, basic metal & fabricated metal products. However, Electrical,

¹ The computation of advance GDP estimates for the fourth quarter of 2023 is based on the availability of various data sources. In general, there are differences between the advance GDP estimates and the actual GDP due to the availability of data from various sources during the compilation period. For further information, kindly refer to the FAQ related to advance GDP estimates in the DOSM's portal.

electronic & optical products; as well as Petroleum, chemical, rubber & plastic products declined during this quarter.

**Table 1: GDP by Kind of Economic Activity at Constant Prices,
Q1 2022 – Q4 2023***

Kind of economic activity	Percentage share to GDP year 2023* (%)	Percentage change from corresponding quarter of preceding year YOY (%)											
		2021			2022			2023			2022		
		Q1	Q2	Q3	Q4	Q1	Q2	Q3	Q4	Q1	Q2	Q3	Q4**
GDP	100.0	3.3	8.7	3.8	4.8	8.8	14.1	7.1	5.6	2.9	3.3	3.4	
Agriculture	6.4	-0.1	0.1	0.5	0.1	-2.3	1.2	1.1	1.0	-1.0	0.8	1.2	
Mining & quarrying	6.3	0.9	2.6	1.0	-2.2	-1.7	9.1	6.3	2.4	-2.3	-0.1	3.7	
Manufacturing	23.7	9.5	8.1	0.8	6.7	9.2	13.1	3.9	3.2	0.1	-0.1	0.1	
Construction	3.6	-5.1	5.0	5.8	-6.1	2.5	15.3	10.1	7.4	6.2	7.2	2.5	
Services	60.0	2.2	10.9	5.4	6.4	11.9	16.7	9.1	7.3	4.7	5.0	4.7	

Note : * Exclude Import duties

** Advance estimates

Source: Department of Statistics Malaysia

Table 2: Comparison of Advance GDP Estimates and Actual GDP at Constant Prices, Q1 2022 – Q4 2023

Kind of economic activity (YoY%)	2022								2023						
	Q1		Q2		Q3		Q4		Q1		Q2		Q3		
	AE	Preliminary													
GDP	4.9	4.8	9.1	8.8	13.8	14.1	6.5	7.1	5.4	5.6	3.1	2.9	3.3	3.3	3.4
Agriculture	-0.4	0.1	-2.0	-2.3	0.9	1.2	0.6	1.1	1.1	1.0	-2.2	-1.0	0.8	0.8	1.2
Mining & quarrying	-1.8	-2.2	-2.4	-1.7	7.1	9.1	5.9	6.3	2.2	2.4	-0.4	-2.3	-0.1	-0.1	3.7
Manufacturing	6.4	6.7	9.1	9.2	13.6	13.1	3.9	3.9	3.2	3.2	0.1	0.1	-0.1	-0.1	0.1
Construction	-5.6	-6.1	3.0	2.5	15.4	15.3	10.4	10.1	7.3	7.4	6.3	6.2	5.8	7.2	2.5
Services	6.5	6.4	12.6	11.9	16.1	16.7	8.3	9.1	7.1	7.3	5.0	4.7	5.1	5.0	4.7

Note : AE = Advance estimates

Source: Department of Statistics Malaysia

Annual GDP performance of 2023

Malaysia's economy grew by 3.8 per cent in 2023, as compared to 8.7 per cent in the previous year. All sectors experienced positive growth, which contributed to this performance. The Services sector registered a growth of 5.4 per cent in 2023 following a higher growth of 10.9 per cent in 2022. Additionally, Malaysia's economic activity is undergoing a recovery phase in 2023.

The Manufacturing sector recorded a marginal growth of 0.8 per cent (2022: 8.1%) in 2023. The unfavorable performance of this sector was attributed to weaker external demand across various countries. Accordingly, Malaysia's trade performance also

showed a declining trend in 2023, in tandem with a decrease of 8.0 per cent (2022: 24.9%) in exports and a decrease of 6.4 per cent (2022: 31.0%) in import activities. Therefore, Net export experienced a decline of 16.4 per cent (2022: 1.0%), in the total value of RM214.1 billion.

Beside that, the Construction sector improved from 5.0 per cent in 2022 to 5.8 per cent in 2023. The Mining & quarrying sector also rose at 1.0 per cent (2022: 2.6%) and the Agriculture sector recorded a marginal growth of 0.5 per cent (2022: 0.1%).

DOSM is committed to compile and disseminate statistics that serve the needs of statistical users. The preliminary GDP estimates, providing a detailed and comprehensive analysis for the fourth quarter of 2023 and the overall 2023 economic performance for Malaysia will be released on 16 February 2024.


The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSMNextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStatsDay) on October 20th each year. MyStatsDay theme is "Statistics is the Essence of Life".

The Central Database (PADU) was launched on 2 January 2024. PADU contains individual and household profiles of citizens and permanent residents in Malaysia. PADU is enthusiastic ensuring all Malaysian are not left behind from the citizen centric initiatives by the Government. Please kindly register and update PADU by 31 March 2024. For more information, please visit <https://www.padu.gov.my>. If any inquiry, please contact 1-800-88-7721 or log it through SISPA: <https://padu.spab.gov.my>.


Chart 1: Gross Domestic Product (GDP), Q1 2022 – Q4 2023*



Note : * Advance estimates

Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 2: Gross Domestic Product (GDP), 2019 – 2023



Source: Department of Statistics Malaysia

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
19 JANUARY 2024**